



PERUTUSAN DATUK BANDAR

MESYUARAT MAJLIS BIL. 4/2026

ISNIN, 27 APRIL 2026 (9 ZULQA'DAH 1447H)

DEWAN BUNGA TANJUNG, PETALING JAYA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Malaysia MADANI, Salam Kita Selangor dan Salam Petaling Jaya

Bandar Paling Bahagia dan Mampan.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi atas segala limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama menghadiri Mesyuarat Majlis pada hari ini. Selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan bagi mereka yang mencontohi Baginda SAW.

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri, Penyelaras DUN Taman Medan, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Datuk Bandar, Timbalan Setiausaha (Pengurusan), pengarah-pengarah, pegawai-pegawai serta warga kerja Majlis Bandaraya Petaling Jaya atas kerjasama yang baik diberikan kepada saya dalam mentadbir urus bandar raya Petaling Jaya.

Saya amat berharap, sokongan dan komitmen yang tuan/puan berikan ini sentiasa berterusan dalam usaha kita untuk menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk Petaling Jaya.

2. **JELAJAH TAAT SETIA MADANI NEGERI SELANGOR : AKU KASIH MALAYSIA 2026**

Program Jelajah Taat Setia MADANI Negeri Selangor merupakan inisiatif berimpak tinggi anjuran Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Akademi Kenegaraan Malaysia, Pejabat Perdana Menteri.

Program ini bertujuan untuk melaksanakan latihan kenegaraan yang lebih holistik dan komprehensif kepada anggota perkhidmatan awam dengan memperkasakan nilai-nilai murni kenegaraan Malaysia MADANI.

Program Jelajah Taat Setia MADANI Negeri Selangor dipilih sebagai jelajah pertama diadakan bagi tahun 2026 ini bertujuan menyampaikan mesej kenegaraan Madani kepada anggota perkhidmatan awam di Negeri Selangor sekaligus dapat memupuk semangat sayangkan negara di kalangan warga perkhidmatan awam dalam masa yang sama dapat memahami aspirasi kerajaan.

Dalam majlis yang sama YAB Dato' Menteri Besar Selangor turut melancarkan **Gelombang Aku Kasih Malaysia** yang akan menjadi usaha kalaboratif antara Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM)

bersama kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Komunikasi, Kementerian Perpaduan Negara serta Kementerian Belia dan Sukan untuk menyemai rasa bangga di kalangan rakyat Malaysia dan seterusnya menimbulkan semangat cintakan negara lebih mendalam.

3. ANUGERAH PERSADA INOVASI MBPJ 2026

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam menyahut semangat semarakkan inovasi dengan membuat pelbagai persiapan bagi menghadapi pertandingan inovasi di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Bagi tahun 2026, sebanyak 14 kumpulan yang merangkumi pelbagai jabatan dan unit telah ditubuhkan.

Bagi memantapkan lagi persediaan kumpulan inovasi, Sekretariat Inovasi akan menganjurkan Anugerah Persada Inovasi MBPJ 2026. Pertandingan ini akan diadakan pada 14 Mei 2026 dan akan disertai 14 kumpulan dalaman MBPJ. Penilaian akan dilaksanakan oleh panel yang berpengalaman dalam bidang pertandingan inovasi. Antara objektif penganjuran pertandingan ini adalah :

- a) Mempersiapkan kumpulan dalam memberi pendedahan dan pengalaman.
- b) Menggalakkan persaingan sihat antara jabatan ke arah menghasilkan lebih banyak inovasi.
- c) Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan.
- d) Memupuk serta menyemarakkan budaya inovasi dan kreativiti dalam pelaksanaan tugas.

- e) Memperluaskan pelaksanaan inovasi dan kreativiti di peringkat Majlis.
- f) Mengenal pasti projek inovasi terbaik untuk mewakili Majlis dalam pertandingan yang menghadkan penyertaan.

Format pertandingan ini telah diumumkan seiring dengan **Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS)** bagi memudahkan kumpulan untuk ke peringkat seterusnya. Tahniah diucapkan kepada Kumpulan Inovatif dan Kreatif MBPJ serta Ketua Jabatan/ Unit di atas dorongan dalam memastikan aktiviti inovasi di MBPJ terus diperkukuh demi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan.

4. PERKONGSIAN AMALAN BAIK PROJEK INOVASI PERKHIDMATAN PA24 : KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG DALAM TEMPOH 24 JAM

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menjadi contoh PBT di Selangor apabila menerima kerjasama dan persetujuan perkongsian amalan baik **Projek Inovasi Perkhidmatan PA24 : Kelulusan Kebenaran Merancang Dalam Tempoh 24 Jam bagi Projek Pembangunan Berskala Kecil** dengan Majlis Perbandaran Alor Gajah sempena **Program Semarakkan Inovasi Sektor Awam Tahun 2026**. Perkongsian amalan baik ini menjadi simbolik kepada usaha replikasi inovasi rentas agensi demi memacu kecemerlangan penyampaian perkhidmatan sektor awam di Malaysia.

MBPJ telah memperkenalkan Inisiatif PA24: Kebenaran Merancang dalam Tempoh 24 Jam, satu langkah transformasi dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam yang bertujuan mempercepatkan proses kelulusan pembangunan.

Inisiatif yang telah dibangunkan dengan kerjasama strategik antara Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) dan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ini akan mengurangkan tempoh kelulusan Kebenaran Merancang daripada 42–98 hari kepada hanya 24 jam.

PA24 bukan sahaja memperkemas prosedur kelulusan, malah memperkukuh kecekapan pentadbiran, tadbir urus baik, serta budaya kerja berasaskan inovasi dan teknologi. Pembangunan sistem permohonan atas talian berasaskan kecerdasan buatan juga turut dirangka bagi meningkatkan kecekapan serta ketelusan proses.

Pelaksanaan awal ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan berskala kecil seperti binaan baharu, roboh dan bina semula, serta pindaan satu unit rumah sesebuah. Inisiatif ini dijangka memberi manfaat kepada pemohon melalui penjimatan masa dan kos, di samping menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan serta peningkatan hasil cukai pintu MBPJ.

PA24 turut menekankan aspek kompetensi profesional, penyediaan dokumen teknikal yang seragam, serta penglibatan awal pemilik tanah berjiran dalam proses permohonan.

Dengan pelaksanaan PA24, MBPJ berhasrat menjadikan Petaling Jaya sebuah bandar raya pintar, mampan dan berdaya tahan, serta menjadi penanda aras nasional bagi transformasi sistem kelulusan pembangunan berasaskan digital dan tadbir urus yang baik.

5. DAMANSARA AVENUE LINK BRIDGE PERKUKUH MOBILITI BANDAR

Majlis Bandaraya Petaling Jaya menyambut baik pembukaan Damansara Avenue Link Bridge yang menghubungkan secara langsung Stesen MRT Sri Damansara Sentral ke Damansara Avenue, sekali gus mempertingkatkan ketersambungan rangkaian pengangkutan awam dan mobiliti bandar di Petaling Jaya.

Jambatan pejalan kaki bertingkat sepanjang 320 meter ini mencerminkan pembangunan infrastruktur berimpak tinggi ke arah pembentukan bandar yang lebih berdaya huni, efisien dan mampan.

Pembukaan Damansara Avenue Link Bridge ini komitmen berterusan MBPJ dalam memperkukuh jaringan mobiliti bandar yang inklusif. Ia bukan sahaja meningkatkan akses kepada pengangkutan awam, malah menyokong usaha membentuk persekitaran bandar yang mesra pejalan kaki serta berorientasikan transit.

Kerjasama strategik antara pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta bagi memastikan pelaksanaan pembangunan infrastruktur yang menyeluruh dan memberi impak langsung kepada komuniti. Sinergi ini

juga membolehkan penyampaian kemudahan awam yang lebih berkualiti, sekali gus meningkatkan kesejahteraan warga kota.

Kemudahan laluan berbumbung yang disediakan turut meningkatkan keselesaan pengguna dengan menawarkan persekitaran yang selamat dan terlindung, di samping menyokong perjalanan *last-mile* yang lebih lancar dan efisien.

Dari aspek teknikal, pembinaan jambatan ini melibatkan cabaran kejuruteraan yang kompleks kerana merentasi beberapa laluan utama termasuk Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP), Jalan Kuala Selangor dan Lebuhraya Duta-Ulu Klang (DUKE) 2, sekali gus mencerminkan tahap perancangan dan pelaksanaan yang teliti.

Inisiatif ini selari dengan aspirasi MBPJ dalam memperkukuh pembangunan berorientasikan *Transit-Oriented Development* serta menggalakkan peralihan kepada penggunaan pengangkutan awam sebagai mod utama mobiliti bandar.

Pembukaan jambatan penghubung ini memberi manfaat signifikan kepada penduduk, pengguna MRT serta komuniti setempat melalui penyediaan akses yang lebih mudah, selamat dan efisien, sekali gus menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup di Petaling Jaya.

6. MBPJ PERKUKUH INFRASTRUKTUR SUKAN KOMUNITI

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam memperkukuh pembangunan infrastruktur sukan komuniti menerusi perasmian gelanggang futsal baharu di Dataran Anak Muda, PJS 1 yang kini siap sepenuhnya untuk kegunaan orang awam.

Inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan MBPJ dalam menyediakan kemudahan rekreasi yang berkualiti, selamat dan inklusif, khususnya bagi memenuhi keperluan penduduk di kawasan PJS 1 dan sekitarnya yang dianggarkan berjumlah hampir 90,000 orang. Projek pembangunan gelanggang futsal tersebut melibatkan kos sebanyak RM 790,000 dan telah berjaya disiapkan pada Disember 2025.

Penyediaan gelanggang futsal ini bukan sahaja memenuhi keperluan infrastruktur sukan, malah menjadi platform untuk menggalakkan gaya hidup sihat serta mengukuhkan interaksi sosial dalam kalangan komuniti setempat.

Kemudahan yang disediakan perlu dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat serta dipelihara dengan baik bagi mengelakkan sebarang aktiviti vandalisme yang boleh menjejaskan kemudahan awam. Dalam masa yang sama, Dataran Anak Muda yang telah dinaik taraf ini dapat berfungsi sebagai hab aktiviti komuniti yang lebih dinamik, sekali gus memperkukuh hubungan silaturahim di kalangan penduduk setempat.

Dengan siapnya gelanggang futsal ini, MBPJ optimis lebih banyak program sukan dan aktiviti komuniti dapat dilaksanakan secara berterusan, sekali gus menyumbang kepada kesejahteraan sosial dan peningkatan kualiti hidup penduduk Petaling Jaya.

7. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA KOMITED SELESAIKAN ADUAN AWAM

Majlis telah menerima sebanyak 24,551 aduan pada tahun 2025 berbanding 19,879 pada tahun sebelumnya. Manakala bagi aduan tahun 2026 (Januari hingga Mac), sebanyak 4,650 aduan (78 %) daripada 6,006 aduan yang diterima telah berjaya diselesaikan.

Pengurusan aduan awam di MBPJ telah menunjukkan tahap peningkatan kecekapan sistem digital, penyelarasan operasi yang lebih berkesan antara jabatan serta penerapan budaya kerja berasaskan prestasi dan data.

Semua aduan yang diterima daripada pelbagai rangkaian saluran rasmi telah diproses dengan mengikut *Standard Operating Procedure* yang melibatkan proses perekodan terperinci, verifikasi maklumat, semakan teknikal dan pengagihan segera kepada jabatan bertanggungjawab.

Trend aduan menunjukkan peningkatan aduan berfokuskan penyelenggaraan infrastruktur, gangguan kebersihan, perniagaan tanpa lesen, aduan kacau ganggu dan pembangunan tidak patuh piawaian, yang masing-masing telah diuruskan mengikut kompetensi

jabatan secara sistematik berlandaskan proses kerja jabatan.

Majlis turut memanfaatkan pendekatan berasaskan data-driven approach dengan melaksanakan analisa menyeluruh ke atas jumlah aduan, kategori isu, corak aduan mengikut kawasan, tahap kepatuhan masa penyelesaian serta aduan berulang bagi membolehkan perancangan yang lebih strategik dan berkesan dilaksanakan.

Analisa ini turut menyokong usaha pengoptimuman sumber, perancangan aktiviti di lapangan, penetapan keutamaan tindakan dan penambahbaikan proses kerja di semua jabatan teknikal dan bukan teknikal. Dalam masa yang sama, pemantauan terhadap Key Performance Indicator penyelesaian aduan dijalankan secara berkala melalui laporan prestasi bulanan serta pengesahan status tindakan bagi memastikan tahap ketepatan, ketelusan dan keberkesanan tindakan kekal konsisten sepanjang tahun.

Seiring dengan itu, Majlis merakamkan penghargaan kepada semua penyiasat dan penyelia aduan di jabatan-jabatan di atas komitmen profesional mereka yang merangkumi tugas siasatan lapangan, penyelarasan tindakan antara jabatan, pemantauan berterusan serta usaha memastikan setiap aduan ditutup dengan penyelesaian.

Usaha bersepadu mereka bukan sahaja memastikan kecekapan pengurusan aduan awam malah menjadi tulang belakang kepada pembentukan bandar Petaling Jaya yang lebih selamat, teratur, mampan dan responsif terhadap keperluan rakyat.

8. PJ WATCH : PROGRAM BERTERASKAN PENDIDIKAN, PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

Inisiatif Program PJ Watch masih menjadi tunjang dalam memastikan keberkesanannya di dalam mengawal dan mengekang salah laku pembuangan sampah haram di kawasan Petaling Jaya.

Program yang berteraskan pendidikan, pemantauan serta penguatkuasaan secara bersasar ini menerima maklumbalas positif melalui kaedah pelaksanaannya di kawasan – kawasan tumpuan awam seperti Reruai, *PJ Watch@Taman* serta *PJ Watch@School* dalam menjadikan Petaling Jaya Mampan, Pintar dan Berdaya Tahan 2030.

Perkongsian status pelaksanaan pada sepanjang tahun 2026 (Januari sehingga April) adalah seperti berikut :

- a) Jumlah Lokasi Hotspot Sampah Haram : 25 Lokasi
- b) Jumlah Hotspot Yang Dilengkapi CCTV Bergerak : 17 Lokasi
- c) Jumlah Penemuan Kes Melalui CCTV : 18 Kes
- d) Jumlah Kompaun : 143 Kompaun
- e) Jumlah Tangkapan : 66 kes
- f) Jumlah Hebahan Media Sosial : 11 Kali
- g) Program Pendidikan : 8 Kali
- h) Jumlah Kes Pendakwaan : 2 kes jatuh hukum

Majlis akan terus melaksanakan tindakan-tindakan penguatkuasaan bagi menangani isu pembuangan sampah haram mengikut perundangan yang digunapakai. Sehubungan dengan itu, Majlis menyeru agar warga Petaling Jaya sentiasa komited di dalam menjaga kelestarian bandar raya demi kesejahteraan serta kebahagiaan penduduk.

Sekian, terima kasih.